

Jabatan kecemasan sesak jejas pesakit kategori hijau

Masyarakat perlu
peka tahap
penyakit elak
bebankan
zon kritikal
hospital kerajaan

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kesyakan luar biasa di jabatan kecemasan hospital kerajaan memberi impak paling besar kepada pesakit kategori 'hijau' atau yang berada di zon tidak kritikal apabila terpaksa menunggu lebih lama berbanding tempoh disasarkan.

Pakar Perunding Perubatan Kecemasan Hospital Kuala Lumpur (HKL), Datuk Dr Alzamani Mohammad Idrose, berkata mengikut pelan asal, tempoh menunggu bagi pesakit kategori hijau adalah 90 minit, namun ia sukar dicapai.

"Bagaimanapun, melalui pertambahan kakitangan, kita menyasarkan tempoh menunggu mereka adalah sehingga 120 minit. Itu yang cuba dicapai oleh Menteri Kesihatan melalui pelbagai usaha yang sedang digerakkan.

"Masyarakat harus faham, jabatan kecemasan ini bergantung kepada kapasiti. Apabila jumlah

input atau pesakit datang terlalu ramai, keutamaan akan diberikan kepada kes hidup atau mati. Ini menyebabkan mereka di kategori hijau terpaksa tunggu lebih lama.

"Maka ia satu petanda kita perlu tambah kakitangan perubatan. Tambah lagi, waktu menunggu terlalu lama, ini bermakna kapasiti (semasa) tak dapat menampung keperluan sebenar. Untuk membolehkan berjalan dengan sasaran tempoh (ditetapkan), proses pemberian rawatan perlu dipercepatkan.

"Di sinilah perlunya untuk tambah kakitangan untuk tangani beban kerja yang kian bertambah," katanya pada program Ruang Bicara membincangkan topik 'Isu kesesakan di jabatan kecemasan' yang disiarkan di Bernama TV malam kelmarin.

Dalam pada itu, beliau turut melihat penting untuk Kementerian Kesihatan (KKM) mempercepatkan proses pendigitalan di semua hospital kerajaan.

"Saya lihat ada kemajuan yang baik, namun masih ada jurang perlu kita atasi. Misalnya, masih banyak hospital belum melalui proses digitalisasi. Ini

sekurang-kurangnya sangat membantu, misalnya mempercepatkan urusan X-ray, imbasan CT Scan, keputusan darah dan sebagainya," katanya.

Tahap kesedaran rendah

Dr Alzamani berkata, tahap kesedaran masyarakat yang masih rendah mengenai 'tahap' penyakit



yang wajar mendapatkan rawatan segera di jabatan kecemasan antara penyumbang masalah kesesakan di hospital kerajaan kerana masih ada tidak memahami fungsi sebenar jabatan itu.

"Ada yang hanya sakit ringan, tetapi datang untuk mendapatkan rawatan. Jabatan kecemasan, fungsinya untuk melayani mereka yang kecemasan. Namun, ada juga yang bukan dalam kategori kecemasan, masih datang untuk dapatkan rawatan. Jadi, ini antara satu daripada punca pertambahan kes.

"Rata-rata mereka yang dalam kategori hijau, ada yang tak perlu

datang, contohnya hanya alami selepas biasa. Akhirnya (pesakit ini) marah dan kecewa kerana terpaksa menunggu lama. Perlu diingat, petugas kesihatan (di jabatan kecemasan) mengutamakan kes kecemasan bagi pesakit yang berdepan isu hidup dan mati," katanya.

Dr Alzamani berkata, masyarakat mesti lebih cakna dan meneliti keadaan kesihatan diri sebelum datang ke jabatan kecemasan, memberi contoh mereka yang hanya sakit ringan, umpamanya untuk cucian luka, sambung ubat dan perlukan sijil cuti sakit, sewajarnya ke klinik kesihatan.